

memupuk kesedaran yang tinggi	Bahasa Melayu mengharungi satu cabaran getir
bahasa Melayu perlu bersaing	memberikan segala maklumat
peribahasa Melayu	murid perlu ada sikap kesungguhan dan peka
ditangguhkan pada pukul 4.30 petang	perlu ditanam dalam diri anak-anak sejak kecil
melentur buluh biarlah dari rebungnya	diperdebatkan oleh cendekiawan
sambutan bulan Bahasa	suasana belajar Bahasa Melayu
meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Melayu	peratus gagal dalam peperiksaan
bahasa yang lain	berkemahiran dan berkelayakan
perkembangan Bahasa Melayu	didedahkan dengan aktiviti bahasa Melayu
bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi negara	mewawancara seorang tokoh bahasa
bertutur dengan kaum lain dalam Bahasa Melayu	satu rumusan tentang isu
kesedaran yang tinggi	sehari selembat benang
	Ketua Editor Majalah SEMUJA

Sebagai wartawan majalah sekolah, anda telah diminta untuk mewawancara seorang guru cemerlang bahasa Melayu tentang langkah-langkah memartabatkan bahasa Melayu. Tulis wawancara itu selengkapnya.

Tema : Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid
Tugasan : Langkah-Langkah Meningkatkan Penguasaannya
Format : Wawancara

Karangan Lengkap

Sejak dahulu lagi, bahasa Melayu terus menjadi isu yang hangat dibincangkan dan [] di negara ini. Hal ini kerana penguasaan murid dalam bahasa Melayu masih lemah dengan [] awam di sekolah masih berlaku. Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan? Sehubungan dengan itu, wartawan majalah SEMUJA telah [] iaitu Encik Ibrahim bin Muji. Berikut ialah wawancara itu selengkapnya.

Wartawan : Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya, Siti Nur bin Mohamad, [] untuk tahun ini. Jadi pertemuan kita adalah untuk mewawancara Encik Ibrahim bagi mendapatkan maklumat tentang beberapa isu bahasa Melayu.

Guru Cemerlang : Terima kasih. Saya berasa amat bangga kerana dipilih untuk diwawancara. Saya berjanji akan [] yang diperlukan.

Wartawan : Apakah pandangan cikgu tentang [] pada masa ini?

Guru Cemerlang : [] dalam bentuk dimensi baru yang memerlukan perhatian semua pihak. Sekiranya tiada usaha yang bersungguh-sungguh, maka martabat bahasa Melayu akan terus terpinggir.

Wartawan : Bagaimanakah peranan murid itu sendiri dalam menguasai bahasa Melayu secara keseluruhan?

Guru Cemerlang : Pada pandangan saya, [] untuk menguasai bahasa Melayu harus diperkukuh. Hal ini demikian kerana murid tidak mengambil peduli akan kepentingan bahasa Melayu. Oleh sebab itu, [] dengan kepentingan bahasa Melayu. Seterusnya, murid hendaklah [] Sebagai kesannya, sikap positif ini akan dapat meningkatkan jati diri terhadap bahasa Melayu. Tambahan pula, murid ini sayang akan [] Hakikatnya, cogan kata, "Bahasa Jiwa Bangsa," dapat disemai dalam jiwa murid-murid.

Wartawan : Ada pihak yang mengatakan bahawa ibu bapa merupakan individu yang sangat penting dalam menayakan matlamat ini. Apakah pandangan cikgu dengan pernyataan ini?

Guru Cemerlang : Saya amat bersetuju dengan kenyataan itu, kerana ibu bapa harus bertanggungjawab [] kepada anak-anak tentang kepentingan bahasa Melayu. Perkara ini boleh dilakukan kerana ibu bapa sebenarnya merupakan contoh ikutan yang terbaik di rumah. Dengan itu, ibu bapa boleh menggunakan bahasa Melayu yang baik dengan anak-anak. Ibu bapa boleh membawa anak-anak ke perpustakaan. Kesedaran tersebut [] untuk membaca buku bahasa Melayu. Usaha ini akan menyebabkan anak-anak terdidik dengan []. Sesungguhnya, ibu bapa haruslah berusaha sejak awal lagi kerana kalau hendak []

Wartawan : Bagaimanakah pula dengan peranan pihak sekolah dalam []?

Guru Cemerlang : Peranan pihak sekolah turut membantu pelajar dalam menguasai bahasa Melayu. Hal ini disebabkan sekolah mempunyai guru-guru yang [] untuk mengajar bahasa Melayu. Oleh itu, guru-guru boleh menganjurkan program [] Seterusnya, guru juga boleh mengadakan pertandingan berbahasa Melayu seperti pertandingan pidato, perbahasan dan pertandingan deklamasi sajak. Sebagai impaknya, murid akan [] yang menarik. Tegasnya, murid ini akan mencintai bahasa Melayu kerana [] ada menyatakan bahawa kalau tak kenal maka tak cinta.

Wartawan : Saya amat bersetuju dengan pendapat yang diberikan sebentar tadi. Bolehkah cikgu buat [] yang kita bincangkan hari ini?

Guru Cemerlang : Pada pandangan saya, [] dengan [] untuk terus diakui keberkesannya. Dengan itu, kerjasama oleh semua pihak amat penting. Usaha ini harus dilakukan secara berterusan kerana orang tua-tua ada berkata bahawa [] lama-lama menjadi kain. Hakikatnya, bahasa Melayu akan terus dimartabatkan kedudukannya di negara tercinta ini.

Wartawan : Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas maklumat yang diberikan oleh cikgu.

Tokoh bahasa : Sama-sama.

Sesi wawancara []